

28 SEP 1999

Mahathir-Muslim

MUSLIM AMERIKA PRIHATIN MENGENAI KEADAAN DI MALAYSIA

Oleh: Amin Husaini Harun

NEW YORK, 28 Sept (Bernama) -- Majlis Muslim Amerika (AMC) berharap untuk mengadakan kerjasama lebih rapat dengan pergerakan Islam di Malaysia dalam mengusahakan kemajuan bagi umat Islam di Malaysia dan Amerika Syarikat.

Delegasi tujuh anggota majlis itu yang mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini pada Isnin membangkitkan isu kerjasama rapat dan persefahaman antara kedua-dua masyarakat.

Dr Mahathir berada di sini untuk lawatan empat hari ke New York sejak Ahad dan akan berucap di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNGA) pada Rabu.

Presiden AMC Nazir U.Khaja memberitahu media Malaysia selepas pertemuan itu bahawa mereka telah mengadakan perbincangan secara berterus-terang dengan Dr Mahathir terutama mengenai keadaan terkini di Malaysia berhubung kes bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Khaja berkata masyarakat Muslim Amerika prihatin dengan kes itu dan mahu mengetahui mengenai kebenarannya selepas banyak membaca daripada media barat.

Beliau berkata masyarakat Muslim Amerika prihatin dengan perselisihan antara pemimpin Islam di Malaysia kerana ia boleh membantutkan kemajuan sebuah negara Islam.

Pertemuan dengan Dr Mahathir, menurut Khaja membolehkan AMC mendapat maklumat langsung mengenai kebebasan badan kehakiman dan media Malaysia setelah banyak yang dilaporkan oleh media Barat.

"Kini kami dapat membuat rumusan sendiri. Dan kami boleh memainkan peranan membantu Malaysia menyebarkan maklumat yang seimbang dan tepat kepada Muslim dan masyarakat lain di Amerika Syarikat," katanya.

Khaja berkata AMC juga mungkin menghantar pasukan mengumpul maklumat ke Malaysia untuk mendapatkan maklumat lanjut bagi memastikan Muslim Amerika mendapat gambaran sebenar keadaan yang berlaku.

Katanya AMC telah diberi jaminan oleh Dr Mahathir bahawa Malaysia tidak akan goyah dalam usahanya ke arah kemajuan dan Malaysia akan terus memastikan kebebasan badan kehakimannya.

AMC mewakili enam hingga tujuh juta Muslim di Amerika Syarikat yang suaranya kini semakin diberi perhatian dan diiktiraf oleh pihak berkuasa di sini.

-- BERNAMA

AHH RON